

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

BH Jumaat, 6 September 2024

Nasional

9

Kes pemalsuan tuntutan PERKESO

SPRM rampas wang tunai, barang berharga RM1 juta

Lima doktor kanan antara 36 individu kena tahan

Oleh Audrey Dermawan
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merampas wang tunai dan barang berharga dengan nilai keseluruhan kira-kira RM1 juta daripada 36 susulan kes pemalsuan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Sumber berkata, antara barang dirampas susulan tangkapan suspek dengan kegiatan berunsur kartel termasuk lima doktor itu antaranya barang kemas, selain barang mewah seperti beg tangan, jam tangan dan kenderaan.

"Sehingga hari ini (semalam), SPRM menahan 36 individu, termasuk lima doktor kanan berhubung kes itu.

"Daripada mereka, kami merampas wang tunai dan barang berharga bernilai kira-kira RM1 juta," katanya.

Tiga lagi suspek direman

Pagi semalam, Majistret Siti Nurul Suhailla Baharin memerintahkan tiga suspek terbaharu yang ditahan membabitkan dua doktor



Dua doktor bersama seorang ejen dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Georgetown, semalam.

(Foto Mikail Ong/BH)

dan seorang pemilik syarikat berusia lingkungan 30-an hingga 50-an, direman empat hari.

Sumber itu berkata, kedua-dua doktor yang bekerja di sebuah hospital kerajaan di negeri ini dipercayai bersubhat dengan pemilik syarikat yang bertindak sebagai ejen untuk mengemuka dokumen palsu bagi tuntutan hilang upaya kekal kepada PERKESO.

"Keseluruhan wang rasuah terbabit dipercayai berjumlah RM2 juta," tambah sumber itu.

Sementara itu, Pengarah SPRM negeri, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah ketika dihubungi mengesahkan tiga suspek yang direman itu sebagai tangkapan terbaharu susulan kes itu yang kini disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Sementara tempoh reman terhadap 29 orang awam terdiri pekerja swasta, ejen dan 'runner' pula dibenarkan selama tiga hari sehingga esok (hari ini), manakala reman terhadap isteri kepada seorang ejen dibenarkan se-

lama sehari.

Semua suspek berusia 26 hingga 60 tahun dibawa ke Kompleks Mahkamah Georgetown di sini pada jam 9 pagi dengan berpakaian lokap SPRM.

Mereka semua direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali nilai butir palsu itu atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Dua lagi doktor, ejen kena reman

Georgetown: Dua lagi doktor ortopedik dan seorang ejen direman bagi membantu siasatan kartel pemalsuan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Perintah reman terhadap ketiga-tiga suspek berusia 32, 43 dan 50 tahun itu dikeluarkan Majistret Siti Nurul Suhailla Baharin selama empat hari bermula semalam selepas menerima permohonan daripada pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Semua direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali nilai butir palsu itu atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, suspek tiba ke Kompleks Mahkamah Georgetown di sini pada jam 9 pagi.

Dua doktor masing-masing berusia 43 dan 50 tahun yang berkhidmat di Hospital Seberang Jaya itu ditahan dalam satu operasi sekitar negeri ini, kelmarin.

Semalam, media melaporkan tiga doktor antara 33 individu direman bagi membantu siasatan selepas dipercayai terbabit dengan kartel pemalsuan tuntutan hilang upaya PERKESO berjumlah RM2.1 juta sejak 2017.

Kebanyakan mereka membuat tuntutan palsu atas alasan kecederaan Ligamen Anterior Cruciate (ACL) dan mengalami masalah tulang rawan tergelincir (slip disc). Pemohon dikatakan menerima 50 peratus daripada jumlah tuntutan, manakala baki 50 peratus dibahagikan antara doktor, ejen dan runner.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

BH Jumaat, 6 September 2024

Nasional

Tubuh segera badan bebas siasat kes doktor kena buli

Ahli Dewan Negara gesa ambil tindakan tegas, mangsa perlu lapor menerusi SISPA

Oleh Suzaltna Halid
suzaltna@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) perlu segera menubuhkan jawatankuasa siasatan bebas untuk menyiasat beberapa dakwaan kes buli yang berlaku di sebuah hospital kerajaan di Sabah.

Menyatakan gesaannya itu, Ahli Dewan Negara, Dr Lingeshwaran R Arunasalam, berkata bagi mangsa buli pula, mereka diminta tampil membuat laporan, khususnya menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA).

"Saya yakin sistem di KKM akan menjalankan siasatan telus dan mengambil tindakan tegas. KKM juga mewujudkan sistem MyHelp khusus untuk kakitangan kementerian melaporkan se-

bagai isu buli.

"Kita tahu Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad tidak akan berkompromi untuk isu buli. Ketika menjadi Menteri Kesihatan kali pertama dulu, beliau membuang kerja seorang pakar perunding berpangkat tinggi kerana terbabit dalam kes buli," katanya kepada BH, semalam.

Sebelum ini, BH mendedahkan beberapa doktor menjadi mangsa buli secara verbal dan fizikal di sebuah hospital apabila dihambur kata-kata kesat, lucah serta penghinaan kaum, selain pernah diancam senjata tajam jika tidak mematuhi arahan ketua unit.

Malah, mereka sering dimalukan di hadapan pesakit apabila kemahiran profesional mereka diperlekeh secara terbuka oleh doktor pakar.

Susulan itu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa KKM menubuhkan sebuah jawatankuasa bebas bagi melaksana audit luar terhadap dakwaan buli dan pelaksanaan prosedur tidak normal kepada pesakit, membabitkan seorang



ketua unit di sebuah hospital kerajaan di Sabah.

Ketua unit tidak kuasa mutlak

Ditanya sama ada ketua unit mempunyai kuasa mutlak untuk 'menekar' doktor, Lingeshwaran yang juga bekas Pengarah Hospital di Sungai Bakap, tidak menganggap seperti itu.

Sebaliknya, beliau berkata, tindakan pembuli boleh datang daripada ketua unit atau kakitangan membabitkan kategori bawahan.

"Dalam konteks ini, setiap ketua unit atau jabatan biasanya akan diberi penerangan mengenai bidang kuasa mereka," katanya.

Beliau berkata, pihaknya ber-

pandangan kes buli yang berlaku di hospital kerajaan lebih kepada isu sporadik dan selalunya berkait dengan seseorang individu yang berpengaruh dalam jabatan atau unit terbabit.

"Berhubung dakwaan prosedur pembedahan yang tidak normal, KKM perlu melaporkan isu terbabit kepada Majlis Perubatan Malaysia (MMC) supaya kompetensi pakar terbabit dapat dikenal pasti," katanya.

Sebaliknya, beliau berkata, tindakan pembuli boleh datang daripada ketua unit atau kakitangan membabitkan kategori bawahan.

"Dalam konteks ini, setiap ketua unit atau jabatan biasanya akan diberi penerangan mengenai bidang kuasa mereka," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berpandangan kes buli yang berlaku di hospital kerajaan lebih kepada isu sporadik dan selalunya berkait dengan seseorang individu yang berpengaruh dalam jabatan atau unit terbabit.

"Berhubung dakwaan prosedur pembedahan yang tidak normal, KKM perlu melaporkan isu terbabit kepada Majlis Perubatan Malaysia (MMC) supaya kompetensi pakar terbabit dapat dikenal pasti," katanya.



Lingeshwaran R Arunasalam

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : LOKAL

Rawatan diberi ikut piawaian KKM

Kuala Lumpur. Rakyat Palestin ditempatkan di Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan di sini diberikan rawatan perubatan berkualiti mengikut piawaian ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), menurut Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Leftenan Jeneral Datuk Dr Zulkeffeli Mat Jusoh, (gambar).

Bellau berkata, seramai 60 petugas kesihatan terdiri doktor, jururawat dan pembantu perubatan bertugas sepanjang masa bagi memastikan rakyat Palestin yang berada di HAT Tuanku Mizan menerima rawatan sebaik mungkin untuk memastikan mereka sembuh daripada kecederaan dialami.

Daripada 41 rakyat Palestin yang cedera dan menerima rawatan di hospital berkenaan, 11 kes memerlukan pembedahan ortopedik termasuk empat perlu kerjasama doktor pakar daripada Hospital Selayang dan Pusat

Perubatan Universiti Malaya selain khidmat nasihat dalam bidang nefrologi dari Hospital Kuala Lumpur.

Bellau berkata, pihaknya berjaya melaksanakan pembedahan bagi implan orbital terhadap seorang pesakit kanak-kanak yang kehilangan anggota keluarga dan kini sedang menunggu penyesuaian mata palsu.

"Terdapat juga dua pesakit memerlukan pembedahan bibir serta lelangit dan dua pesakit yang memerlukan pemasangan kaki palsu," kata Dr Zulkeffeli pada sesi lawatan khas bersama media di hospital berkenaan baru-baru ini.

Turut hadir ketua penyelaras misi berkenaan Brigedier Jeneral Dr Mohd Mansor Sharif dan Penyelaja Jururawat HAT Tuanku Mizan Nursyida Jamaludin.

Mengulas lanjut, Dr Zulkeffeli berkata, pihaknya melakukan persediaan awal sebelum menerima pesakit Palestin bagi memudahkan persiapan dari segi jenis rawatan yang diperlukan, pelantikan pakar-pakar dan hubungan kerjasama dengan pusat perubatan yang lain.



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA

Dua lagi doktor ortopedik, ejen ditahan reman



PEGAWAI SPRM membawa tiga suspek bagi proses permohonan reman di Mahkamah Majistret George Town semalam. - IQBAL HAMDAN

GEORGE TOWN – Dua doktor ortopedik dan ejen direman selama empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan berhubung kes pemalsuan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Dua pegawai perubatan berusia 43 dan 50 tahun serta ejen berusia 32 tahun itu yang memakai baju lokap tiba di Mahkamah Majistret di sini pada pukul 8.50 pagi dengan tangan bergari dan diiringi pegawai SPRM.

Dengan penahanan tiga suspek itu, jumlah keseluruhannya individu yang ditangkap adalah 36 orang. Lima daripada mereka adalah doktor pakar tulang.

Difahamkan, dua doktor yang direman semalam bertugas di sebuah hospital kerajaan di Serberang Jaya. Perintah reman ter-



KERATAN Kosmo! 5 September 2024.

hadap mereka dibenarkan Majistret Siti Nurul Suhaila Baharin.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek itu ditahan dalam operasi susulan penahanan kes memalsukan tuntutan hilang upaya kepada Perkeso.

"Modus operandi kartel ini juga sama iaitu membuat tuntutan palsu melibatkan kecederaan pada bahagian tulang belakang dan *ligamen anterior cruciate* (ACL). Mereka aktif melakukan

kegiatan itu sejak 2017 sehingga tahun ini," katanya semalam.

Menurut sumber itu, SPRM tidak menolak kemungkinan akan ada tangkapan lain membatikan kartel tuntutan Perkeso dan pemalsuan dokumen dengan bantuan doktor yang bersekongkol dengan mereka.

Semalam *Kosmo!* melaporkan seramai 33 individu termasuk tiga pakar tulang direman sehari hingga tiga hari bagi membantu siasatan kes kartel Perkeso. Selain tiga doktor, 30 lagi individu ditahan terdiri daripada 19 pemohon tuntutan, lapan ejen dan tiga *runner*.

Seorang doktor dipercayai mampu memperoleh imbuhan sehingga RM10,000 daripada seorang pemohon bergantung kepada jumlah tuntutan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

NASIONAL 5

JUMAAT 6 SEPTEMBER 2024 • SINAR HARIAN

Kartel tuntutan PERKESO: Dua lagi doktor pakar tulang, ejen direman

GEORGE TOWN - Dua lagi doktor pakar tulang hospital kerajaan dan seorang ejen direman empat hari bagi membantu siasatan berhubung kes memalsukan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada Khamis.

Perintah reman tersebut dikeluarkan Majistret Siti Nurul Suhaila Baharin di Mahkamah Majistret Jenayah 1 di sini pada Khamis.

Kesemua mereka ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Rabu selepas ditangkap dalam satu operasi.

Tangkapan mereka itu dibuat susulan daripada tangkapan tiga

doktor dan 30 individu membabitkan kes sama pada Rabu.

Menurut sumber, kedua-dua doktor berusia 43 dan 50 tahun, manakala ejen berusia 32 tahun.

"Kedua-dua doktor tersebut bertugas di sebuah hospital kerajaan di Seberang Jaya," katanya.

Beliau berkata, mereka juga bergiat aktif sejak 2017 sehingga tahun ini.

"Kemungkinan akan ada lagi tangkapan membabitkan kartel tuntutan PERKESO serta dokumen palsu dengan bantuan doktor yang bersekongkol.

"Sehingga hari ini, SPRM telah menahan 36 suspek berkaitan kes ini dan

turut menyita wang tunai, barang kemas, beg berjenama, kenderaan mewah, nombor plat kenderaan mewah, jam tangan mewah, motosikal, telefon bimbit dan barangan mewah dengan jumlah terkini keseluruhan bernilai kira-kira RM1 juta.

"Siasatan awal turut mendapati nilai wang rasuah yang terlibat dalam kegiatan ini berjumlah kira-kira RM2 juta," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Mohd Fuad Bee Basrah mengesahkan tangkapan tersebut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



Kesemua suspek ditahan reman selama empat hari bagi membantu siasatan.

'Tuntutan palsu umpama rompak wang pencarum'

Langgar prinsip keadilan, integriti dana keselamatan sosial dikhususkan untuk bantu pekerja yang benar-benar memerlukan

Oleh **SITI NOOR FAEZAH MUDA SHAH ALAM**

Tindakan memalsukan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang bertujuan melindungi kebajikan individu sekiranya berlaku kemalangan, penyakit atau kecederaan berkaitan pekerjaan umpama rompak wang pencarum.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani berkata, tuntutan palsu itu turut melanggar prinsip keadilan dan integriti dana keselamatan sosial dikhususkan untuk membantu pekerja yang benar-benar memerlukan.

"Penyalahgunaan dana ini bukan sahaja merosakkan sistem perlindungan sosial bahkan menafikan hak pekerja yang sah untuk menerima manfaat mereka.

"Lebih malang apabila kegiatan terukut ini turut membabitkan pengamal perubatan, termasuk doktor pakar yang bersekongkol selepas dikaburi dengan laba yang dijanjikan rangkaian kartel," katanya

kepada *Sinar Harian*.

Menurut Mohd Effendy, tuntutan palsu turut menambah beban pentadbiran serta kos pengurusan PERKESO yang boleh memaksa organisasi itu menaikkan kadar sumbangan di masa hadapan.

Beliau berkata, perkara tersebut akan memberi kesan negatif kepada pencarum sah yang terpaksa menanggung beban tambahan akibat penipuan berkenaan.

"Kami ingin mengingatkan mereka yang terlibat dalam kegiatan tuntutan palsu boleh dikenakan tindakan undang-undang tegas di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, memperuntukkan hukuman denda tinggi dan penjara bagi pesalah.

"MTUC menyeru semua pihak untuk bekerjasama dalam memastikan integriti sistem PERKESO terpelihara. Kami juga menggesa pekerja dan majikan supaya mematuhi undang-undang dan hanya membuat tuntutan yang sah," ujarnya.

Beliau berkata, MTUC memuji tindakan proaktif PERKESO yang berjaya mengesan dan mendedahkan isu kartel tuntutan palsu tersebut.

Mohd Effendy berkata, pihaknya berpandangan bahawa sebarang tindakan penipuan atau penyalahgunaan dana pencarum harus dibantah dengan segera demi menjaga kepentingan pekerja dan mengekalkan keberkesanan sistem keselamatan sosial negara.

Sementara itu, Presiden Persekutuan Majikan-Majikan



MOHD EFFENDY SYED HUSSAIN

Malaysia (MEF), Datuk Syed Hussain Syed Husman berkata, tindakan memalsukan tuntutan hilang upaya bertentangan dengan budaya kejujuran dan nilai Malaysia dan tindakan serius mesti diambil.

"Perbuatan menipu mesti dihukum. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menjelaskan sistem kerja telus yang jujur amat diperlukan. MEF menyokong tindakan serius mesti diambil dalam perkara ini.

"MEF berharap kejadian ini akan menjadi pengajaran kepada semua yang terlibat dalam aktiviti penipuan. Sedih juga apabila doktor yang bersumpah memberi khidmat kepada orang ramai secara jujur dan amanah terlibat dalam penipuan seperti ini. Harap kegiatan ini tidak akan berulang pada masa akan datang," katanya.

Pada Rabu, prosedur operasi standard (SOP) bagi tuntutan faedah termasuk Hilang Upaya Kekal (HUK) PERKESO diumumkan akan dirombak serta-merta bagi membendung penyelewengan tuntutan palsu berulang.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim berkata, ia susulan kes penahanan 32 individu termasuk tiga doktor oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi Op Tunjang bersama agensi berke-

TUNTUTAN FAEDAH PERKESO

Terdapat beberapa keadaan yang mana pekerja boleh membuat tuntutan atas Skim Bencana Pekerjaan yang disediakan oleh PERKESO. Berikut adalah perlindungan yang disediakan mengikut kemalangan atau penyakit khidmat seperti:

- Kemalangan Semasa Menjalankan Pekerjaan
- Kemalangan Semasa Dalam Perjalanan
- Penyakit Khidmat

Melalui skim bencana pekerjaan ini, PERKESO telah menggariskan beberapa faedah yang anda boleh dapat sekiranya terlibat kemalangan atau penyakit khidmat seperti di bawah:

- Faedah Perubatan
- Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)
- Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK)
- Elaun Layanan Sentiasa
- Faedah Orang Tanggungan (FOT)
- Faedah Pengurusan Mayat
- Faedah Pendidikan
- Kemudahan Pemulihan Jasmani/Vokasional

Syarat Tuntutan PERKESO

Berdasarkan jenis-jenis tuntutan PERKESO di atas ia boleh dimohon mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Berikut adalah syarat bagi membuat tuntutan PERKESO:

- Kemalangan yang ditimpa semasa berada di tempat kerja atau sedang menjalankan urusan kerja
- Kemalangan ketika dalam perjalanan merangkumi seperti:
 1. Mengikuti laluan dari tempat kediamannya atau tempat tinggalnya dengan tempat kerjanya
 2. Dibuat untuk apa-apa sebab yang secara langsung berkaitan dengan perkara pengajiannya
 3. Di antara tempat kerjanya dengan tempat pergi makan semasa masa rehat yang dibenarkan

Kemalangan semasa kecemasan dirujuk syarat seperti:

- Kemalangan yang berlaku ketika pekerja berada dalam atau berdekatan dengan mana-mana premis tempat bekerjanya bagi untuk menyelamatkan, membantu atau melindungi orang yang mendapat bencana atau bahaya semasa kecemasan.

Senarai Penyakit Khidmat PERKESO

Pelbagai jenis penyakit khidmat telah digariskan di mana penyakit-penyakit ini berpunca atau terbit daripada pekerjaan sebagaimana yang disenaraikan di Jadual Kelima, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Contoh Penyakit Khidmat:

- Hilang pendengaran disebabkan oleh paras tekanan bunyi tinggi yang berterusan.
- Penyakit asma disebabkan oleh pekerjaan yang melibatkan pencedahan berterusan kepada sedutan habuk atau bahan kimia yang berbahaya dan sebagainya.



Laporan muka hadapan *Sinar Harian* pada Khamis.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia
JUMAAT • 6 SEPTEMBER 2024

31

Kartel Perkeso: Tiga termasuk pakar ortopedik direman

GEORGE TOWN: Tiga lagi individu iaitu dua pakar ortopedik dan seorang ejen direman empat hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes pemalsuan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) melibatkan kerugian bernilai RM2.1 juta.

Suspek masing-masing berusia 32, 43 dan 50 tahun itu menjadikan secara keseluruhannya 36 individu dengan lima daripadanya adalah doktor pakar tulang ditahan berhubung kes kartel penipuan Perkeso.

Difahamkan kedua-dua doktor pakar tulang yang direman semalam bekerja di sebuah hospital kerajaan di Seberang Jaya.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Siti Nurul Suhaila Baharin di Mahkamah Majistret George Town, semalam.

Dalam pada itu, menurut sumber, ketiga-tiga suspek ditahan dalam satu operasi SPRM kelmarin susulan kes sama, iaitu memalsukan tuntutan hilang upaya Perkeso.

"Modus operandi kartel ini juga sama, iaitu membuat tuntutan palsu melibatkan kece-



TIGA individu termasuk dua pakar ortopedik dihadapkan ke Mahkamah Majistret George Town, Pulau Pinang susulan kes pemalsuan tuntutan Perkeso, semalam. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

deraan pada bahagian tulang belakang dan ligamen krusiat kanan (ACL).

"Kesemua mereka bergiat aktif sejak 2017," katanya di sini, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Kelmarin, 33 individu termasuk tiga doktor pakar tulang

ditahan reman antara sehari sehingga tiga hari bagi membantu siasatan kes kartel Perkeso itu.

Dipercayai menerusi kartel berkenaan, seorang doktor boleh mendapat imbuhan sehingga RM10,000 daripada seorang pemohon, namun ia juga bergantung kepada jumlah tuntutan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NST LEADER

2

NST LEADER

Of doctors and doctoring

Greed and poor governance
are to be blamed

DOCTORING, in the sense of giving medical treatment, is what we expect doctors to do. But some doctors, as we have come to know, are given to doctoring in the second sense: practising deceit. If Tuesday's arrests of three senior doctors allegedly linked to a cartel involved in falsifying Social Security Organisation (Perkeso) disability claims in Penang are anything to go by, the moral fever among some of the medical professionals in government and private hospitals there must be high. If three doctors are three too many, wait till the arrest of a fourth one. What is worse, Perkeso claims fraud involving doctors isn't a new affliction. A news portal quoted Senator Dr Lingeshwaran R. Arunasalam as having told the Dewan Negara that between 2018 and 2022 there were 683 fraudulent withdrawals amounting to some RM43 million. One doctor, who has since been dismissed, had 16 fraudulent withdrawals to his name. Call it serial doctoring, in the second sense, of course.

Are the recent arrests the tip of the iceberg? Hard to tell, but when deceit acquires the size of a cartel, it is likely to be. We leave that to the Malaysian Anti-Corruption Commission to size

**“...there is
sufficiency in
the world for a
man's need, but not
for man's greed.”**

it up. But a question needs to be asked: why do senior doctors doctor documents for money when they earn decent salaries? There is only one answer. Greed. For the greedy, no amount of money is enough. As the saying goes, there is sufficiency in the world for a man's need, but not for man's greed. Put them on a salary of RM20,000, RM50,000 or RM100,000 a month, they will hunt for more. These doctors are ideal targets of cartels, if they are not themselves the kingpins. Cartels love the greedy, and the greedy either form one or love to be part of one. But they will soon learn that greed has a great fall waiting for them. The job they studied so hard for will be gone forever. Next will be the shame of imprisonment and all the humiliation that comes with it. Greed doesn't only destroy the deceitful doctor, but his innocent family, too. This is humiliation most unfair. Being a doctor is a privilege to better the lives of others, not to destroy them, including one's own.

Unfortunately, deceit such as doctoring documents can't be legislated out of existence. But it can be minimised by robust governance. We are sure that if proper governance was in place at the government and private hospitals, the likelihood of fraudulent claims getting through would be very low. If media reports are right, some of the fraudulent claims were made by Perkeso members with no disability to show at all. This is mind boggling. How could oversight be this bad? Didn't the orthopaedist's approval pass through another level of review at least? Now, hospitals, both public and private, will have no choice but to introduce a few more layers of review before approving the disability claims. Perkeso, too, may have to tighten its claims approval process. It can't afford to allow such improper diversion of public funds. The unfortunate outcome of all this will be delay in the approval of genuine disability claims. Call it collateral damage.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NATION



Facing the music: The trio (in orange) being escorted by MACO officials at the Penang Courts Complex in George Town. — LIM BENG TATT/The Star

Penang hospitals' operations unaffected

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Two public hospitals in Penang will continue to operate as usual despite the arrest of four orthopaedic specialists who are implicated in a fraudulent Social Security Organisation (Socso) claim scam.

Penang Health Department director Datuk Dr Fazilah Shaik Allaudin said the departments where the doctors were serving are still running as usual. One of them is serving at a hospital in Bukit Mertajam while three others are with a hospital in Seberang Jaya.

"The hospitals are not affected at all," she said briefly.

Asked if the doctors involved would be suspended, Dr Fazilah said the case was still under investigation, adding that the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) should be given time and space to carry out their duties.

Yesterday, magistrate Siti Nurul Suhaila Baharin issued a four-day remand order on another three people, including two doctors, to facilitate investiga-

tion into the alleged falsifying of Socso disability claims amounting to RM2.1mil since 2017.

The doctors, aged 43 and 50, are from a public hospital in Seberang Jaya while another individual, 32, is said to be an agent.

This brought the total number of arrests made to 36, including the 33 people who MACC remanded to facilitate investigations under Section 18 of the MACC Act 2009 for the submission of false claims.

The offence carries a maximum sentence of 20 years' jail and a fine of RM10,000 or five times the value of the false claims, whichever is higher, upon conviction.

Of the total, five of them are orthopaedic specialists aged between 36 and 57. One of them is with a private hospital in Butterworth while the rest are from public hospitals.

The others who are being remanded include 19 private sector employees, nine agents and three runners aged between 26 and 60.

During the Dewan Negara sessions in July, a senator from Penang Dr RA Lingeshwaran

called on the government, particularly the Human Resources Ministry, to explain the alleged suspension of senior doctors handling Socso disability claims purportedly linked to a cartel in the state.

He had reportedly brought the matter up at the Dewan Negara on July 28, stating that the panel was suspended until further notice after Socso discovered the racket at a hospital in Penang.

In asking Socso for an update, Dr Lingeshwaran, who was a former director of Hospital Sungai Bakap, said the cartel was believed to be lobbying for the suspended doctors to return to work at the same hospital.

He also claimed there were 683 fraudulent Socso withdrawals from 2018 to 2022 involving about RM43mil, of which 16 involved a certain doctor whose services were terminated after the activities were exposed.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : VIEWS

Seeking tax relief for dietary supplements

DIETARY supplements in Malaysia are currently subjected to a 5% sales and service tax (SST), and there's a 5% import duty for certain finished products.

This taxation is an unnecessary financial burden on Malaysians who are striving to maintain or improve their health.

As Budget 2025 is being prepared, it would be pertinent to consider reviewing these tax policies as a vital step towards enabling Malaysians to adopt healthier lifestyles. The last review was requested in 2021.

It's important to consider how these taxes are not only affecting consumers but also hindering the growth and quality of the local supplement industry, increasing production costs and, consequently, retail prices.

The local supplement industry is heavily dependent on imported ingredients for which there are no viable alternatives yet.

Let's take fish oil as an example. Malaysia's tropical waters simply do not yield the cold-water fish required to produce high-quality fish oil. By removing the import duty, production costs would go down, making fish oil supplements more affordable and accessible to the general public.

This is not just a matter of economic efficiency; it's about prioritising the health of our nation.

The SST on dietary supple-



ments is also in dire need of reform. Currently, several dietary supplements containing ingredients such as vitamins, fish oil, spirulina, essence of chicken, and haruan fish, are taxed 5% SST.

Meanwhile, all pharmaceutical products, including ascorbic acid (Vitamin C), elemental iron, and medications containing multi-vitamins and minerals are exempted from tax.

The government should also consider including dietary supplements in the existing lifestyle tax relief. Tax reliefs have

proven effective in encouraging healthier behaviours, and extending this benefit to include supplements would provide financial relief to those actively investing in their health.

However, broad-based subsidies can create a dependency that is counterproductive in the long term. Instead, the government should implement targeted subsidies for vulnerable groups, ensuring that financial assistance reaches those who need it most without fostering a culture of reliance.

An end-of-subsidy monitoring plan could also be established to evaluate the effectiveness of these measures, ensuring they are both sustainable and successful in their intended goals.

Achieving long-term success in dietary supplementation requires a multi-faceted approach. It is imperative that local government agencies collaborate with supplement producers and relevant NGOs to educate the public about the benefits of dietary supplements.

Through comprehensive education campaigns and awareness programmes, we can empower consumers to make informed decisions about their health, dispelling myths and misinformation along the way.

For instance, the current "Tolak Ubat Tidak Sah" campaign by the Health Ministry could be similarly applied to dietary supplements as a friendly, accessible means to educate and spread awareness.

By revising tax policies, offering targeted subsidies, and educating the public, we can ensure that dietary supplementation becomes an integral part of Malaysia's approach to health and wellness. The health of our nation depends on it.

DATUK DR RAJEN M
President
Malaysian Dietary Supplement
Association

Turning to digital games to tackle health issues

AS the prevalence of childhood obesity and stunting increases, educators and health experts are turning to digital game-based learning to tackle these pressing health issues.

This innovative approach leverages the engaging power of games to educate children about nutrition, physical activity and overall wellness.

Digital games designed for health education make learning fun and interactive.

By incorporating challenges, rewards and storytelling, they encourage children to make healthier choices in their daily lives.

For instance, games that simulate meal planning can teach children the importance of eating a balanced diet, and active motion-based games can promote regular physical exercise.

Parents and teachers should support this digital shift as traditional methods alone are not enough to engage today's tech-savvy youngsters.

By integrating technology with health education, we can reach children where they are and inspire them to take charge of their well-being.

As we navigate the challenges of modern health issues, digital game-based learning offers a promising solution.

Embracing this technology in schools could be a game-changer in ensuring the future health of our children.

ASSOC PROF DR
NURULWAHIDA HJ AZID
and **DR MUHAMMAD NOOR**
ABDUL AZIZ
Universiti Utara Malaysia